

Soalan No : 14

PEMBERITAHU PERTANYAAN DEWAN RAKYAT

PERTANYAAN : LISAN

DARIPADA : Y.B. DATO' KAMARUL BAHARIN BIN ABBAS
[TELOK KEMANG]

TARIKH : 30.3.2015

SOALAN :

Dato' Kamarul Baharin bin Abbas [Telok Kemang] minta **MENTERI PENDIDIKAN** menyatakan:-

- (a) setakat mana Pelan Transformasi Pendidikan Vokasional melalui mata pelajaran Pendidikan Asas Vokasional (PAV) mampu untuk menarik minat pelajar untuk meneruskan pendidikan mereka di peringkat vokasional dan seterusnya ke peringkat pengajian tinggi; dan
- (b) peluang kerjaya lepasan pelajar-pelajar Kolej Vokasional (KV) tersebut.

JAWAPAN

Tuan Yang di-Pertua,

- a) Melalui Transformasi Pendidikan Vokasional, Kementerian Pendidikan Malaysia (KPM) memperkenalkan program Pendidikan Asas Vokasional (PAV). PAV memberi peluang kepada murid yang kurang kemahiran akademik dan berfokuskan kepada *hands on*. PAV merupakan peluang yang lebih pantas kepada murid untuk mendapatkan kemahiran dan memasuki alam pekerjaan. KPM telah melaksanakan jeyarawara bagi tujuan memberikan maklumat mengenai PAV serta promosi dalam meningkatkan

enrolmen murid PAV. Setakat ini PAV telah berjaya menarik minat murid. Permohonan murid untuk kemasukan ke PAV menunjukkan trend yang semakin meningkat.

- b) KPM telah membuat perancangan supaya 20 peratus murid PAV dapat menyambung pelajaran ke peringkat tinggi iaitu universiti di bawah *Malaysian Technical University Network* (MTUN). Manakala 70 peratus murid PV akan memasuki industri untuk mengisi peluang-peluang pekerjaan mengikut keperluan koridor ekonomi. Sebanyak 10 peratus lagi akan dilatih untuk menjadi usahawan berdasarkan latihan autentik dan *School Enterprise* (SE) yang didedahkan kepada murid semasa pembelajaran.

Untuk makluman Ahli Yang Berhormat, murid lepasan Kolej Vokasional dengan kelayakan Diploma Vokasional Malaysia (DVM) akan berpeluang untuk melanjutkan pelajaran ke universiti-MTUN seperti Universiti Malaysia Perlis (UNIMAP), Universiti Malaysia Pahang (UMP), Universiti Tun Hussein Onn (UTHM) dan Universiti Teknikal Malaysia Melaka (UTeM). MTUN akan menyediakan pendidikan dan latihan Tahap 6, 7 dan 8 yang bersamaan dengan Ijazah dan Ijazah Lanjutan.